

Kerajaan disaran tempatkan pegawai integriti untuk perangai rasuah

SHAH ALAM - Kerajaan disaran untuk menempatkan pegawai integriti yang mempunyai rekod bersih di setiap pejabat kementerian bagi memerangi jenayah rasuah hingga ke akar umbi.

Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, langkah tersebut penting dalam memastikan setiap kakitangan mempunyai etika dan integriti dalam pentadbiran.

"Pada pendapat saya, pegawai integriti perlu ditempatkan di setiap kementerian supaya dapat memastikan tahap integriti kakitangan sentiasa berada di tahap yang maksimum.

"Kita risau kalau tidak dipantau, masalah rasuah akan berterusan dan jika itu berlaku sedikit sebanyak akan memberikan kesan negatif kepada pihak berkuasa selain melunturkan kepercayaan rakyat

pada pentadbiran mereka," katanya.

Pada Khamis lalu, timbalan pengarah dan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didakwa meminta dan menerima suapan bagi melindungi premis hiburan tanpa lesen di

Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Tertuduh Muhammad Irwan Abdullah, 44, dan Zahari Muhammad, 34, yang masing-masing berdepan tiga serta dua pertuduhan bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada hari sama, seorang pembantu penguat kuasa DBKL didenda RM13,000 selepas mengaku bersalah atas lima



HAMDAN

pertuduhan mendapatkan wang tunai berjumlah RM1,200 bagi melindungi premis yang menggunakan lesen ali baba di ibu negara.

Syahrul Riza Md Yusof, 42, didakwa atas lima pertuduhan iaitu sebagai pembantu penguat kuasa DBKL (KP19) di Bahagian Perkhidmatan

Penguatkuasa Seksyen Pasar DBKL, telah mendapatkan wang tunai RM1,200 untuk dirinya dengan tiada balasan daripada seorang individu yang mana tertuduh ketahu ada hubungan dengan tugas rasminya.

Sementara itu, dua lagi pembantu penguat kuasa DBKL, Muhammad Syawal Riezqan Jauhar, 28, dan Amran Mat Dali, 45, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Suzana Hussin atas pertuduhan sama.

Muhammad Syawal Riezqan didakwa atas 11 pertuduhan



Amran (kanan) pada Khamis lalu didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas satu pertuduhan menerima wang tunai RM100 tanpa balasan daripada individu yang mana diketahui ada hubungan dengan tugas rasminya.

menerima wang tunai berjumlah RM4,800, manakala Amran didakwa menerima wang tunai RM100 untuk dirinya tanpa balasan, masing-masing daripada individu sama bagi tujuan serupa.

Tambah Hamdan Daniel, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga harus memainkan peranan dengan memberi cadangan dalam usaha membanteras rasuah.

"Ini kerana ia merupakan

tanggungjawab bersama. Selagi masyarakat menjadi mata dan telinga pihak berwajib maka mudahlah bagi mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai salah laku rasuah yang semakin menjadi barah.

"Selain itu, pihak sekolah dan universiti perlu membudayakan sikap menolak rasuah dan mengamalkan gaya hidup yang bersih daripada jenayah itu," ujarnya.

**RASUAH
BUSTERS**